

# Malam Pesta Cahaya UMP bertemakan '1Malaysia' meriah



Lebih 1,000 penonton yang terdiri di kalangan pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dan masyarakat sekitar Kuantan membanjiri Kompleks Sukan Universiti Malaysia Pahang (UMP) Kampus Gambang di Malam Pesta Cahaya anjuran Kelab Kebudayaan dan Kesenian UMP pada 18 Oktober 2010 yang lalu.

Antara yang hadir memeriahkan sambutan ialah pelajar Kolej Olympia, Kolej Shah Putra, Kolej Kejururawatan Kuantan, Kolej Komuniti Kuantan dan pelajar UMP sendiri.

Menurut pelajar Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) selaku pengarah program, Jagatis A/L Baldiyah berkata, beliau amat gembira dengan sambutan ramai warga IPT dan masyarakat setempat di sini.

Katanya, program yang julung

kali diadakan ini bertujuan untuk memupuk semangat perpaduan di kalangan warga UMP dengan masyarakat setempat di samping mengenali budaya kaum India.

Selain itu, penganjuran program bertemakan '1 Malaysia' ini dapat memupuk semangat perpaduan antara kaum.

Manakala menurut Pegawai Kebudayaan UMP, Mohd Zaki Ahmad, Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (JHEPA) amat menyokong penuh aktiviti melibatkan pelbagai kaum ini.

Katanya, penganjuran program ini juga dapat melatih golongan pelajar membangunkan 'soft skills' dan persediaan melahirkan graduan yang lebih berdaya saing setelah tamat pengajian nanti.

"Masyarakat hari ini perlu menghargai dan menghormati identiti etnik setiap kaum di

Malaysia.

"Golongan pelajar sebagai pewaris generasi akan datang perlu mempertahankan adat resam dan jati diri nenek moyang mereka, ini termasuklah dari segi tarian tradisional dan cara berpakaian," katanya.

Pengunjung disajikan dengan persembahan yang menarik antaranya, tarian Allegra, Paalakadu, Banghra, Tanikai dan teater yang dipersembahkan oleh pelajar UMP.

Selain itu, tarian tradisional Melayu dan Cina juga dipersembahkan turut memukau penonton yang hadir.

Malah, penonton kaum Cina dan Melayu turut mengambil kesempatan berpakaian mengenakan pakaian kaum India, seperti sari bagi memeriahkan suasana.

Menurut pelajar Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA), Ellie Fazlin, 22, beliau hadir untuk mengenali dan memahami budaya kaum India dengan lebih dekat.

Beliau yang hadir dengan memakai pakaian kaum India tidak sedikit pun berasa kekok malah merasa bangga kerana dapat bersama-sama membantu rakan-rakannya menayakan penganjuran program yang cukup meriah ini.

Lebih menarik, pelajar tanpa mengira bangsa turut menunjukkan kemahiran dalam membuat corak kolam, iaitu beras berwarna warni yang dihiasi di pintu masuk Dewan Kompleks Sukan yang lazimnya bagi masyarakat kaum India menandakan tibanya Deepavali.